

Headline	Promosi sastera Melayu ke peringkat antarabangsa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	377 cm <sup>2</sup>
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 12,715
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,145



# Promosi sastera Melayu ke peringkat antarabangsa

## Kerjasama dengan penerbit luar negara mampu realisasi misi

Tiada produk yang akan dikenali tanpa usaha promosi. Setiap promosi pula memerlukan peruntukan tersendiri yang dianggap sebagai elemen kos pengeluarannya.

Maka program pengembangan sastera Melayu pada peringkat antarabangsa harus dipromosi secara berterusan, berskala luas dan berjangka panjang.

Peranan itu turut dimainkan oleh penerbit luar negara yang bersedia bekerjasama dengan kita. Lokasinya di seberang laut akan memberi kesan ke atas penjualan serta penyebaran karya sastera kita di luar negara. Sebagai contoh, terjemahan ke dalam bahasa Perancis wajar diterbitkan oleh penerbit di Perancis; terjemahan ke dalam bahasa Inggeris wajar diterbitkan oleh penerbit di England atau Amerika Syarikat, terjemahan ke dalam bahasa Jerman wajar diterbitkan oleh penerbit di Jerman dan begitulah seterusnya.

Niat baik untuk menterjemah dan menerbitkan karya sastera kita, dengan harapan ia akan tersebar pada peringkat antarabangsa, ada kalanya dihalang apabila menerbitkannya di Malaysia. Sudahlah begitu, strategi pengedarannya pula kurang berkesan.

Jika karya terjemahan sastera kita diterbitkan dalam negara, penyebarannya agak terbatas yang hanya dilakukan dalam pesta buku antarabangsa (itu pun kita tidak dapat membawa semua judul buku terjemahan), atau melalui usaha promosi dan pembelian secara online (itu pun jika penerbit tempatan melakukannya secara agresif).

### Kerjasama dengan penerbit luar

Dalam hubungan ini penerbit tempatan wajar menjalin kerjasama penerbitan dengan penerbit luar negara. Dalam kes tertentu, ada penerbit luar negara yang berminat menerbitkan karya asing (termasuk dari Malaysia), hingga tidak memerlukan apa-apa kos daripada penerbit Malaysia. Dalam sesetengah kes pula, me-

reka memerlukan pembabitan sebahagian kos daripada pihak kita; yang mana ini pun wajar dipertimbangkan kerana akan memudahkan penyebaran karya sastera kita di luar negara.

Satu lagi yang sering diabaikan ialah pusat pengajian Melayu/Malaysia di luar negara. Sungguhpun jumlah pusat pengajian Melayu/Malaysia di luar negara tidak sebanyak beberapa dekad yang lalu, kita boleh menjalin kerjasama dengan tenaga akademik dan pelajarnya. Kerjasama ini boleh meliputi usaha penterjemahan, penjualan karya serta aktiviti seperti pelancaran buku, diskusi buku, sesi bersama pengarang, pengisian jurnalnya tentang sastera Melayu dan sebagainya.

Kedutaan kita di luar negara juga wajar memperkenalkan sastera dan sasterawan

kebangsaan kita. Hanya sebahagian kecil kedutaan, dalam waktu tertentu saja pula, yang mahu memberi layanan terhadap aktiviti sastera kebangsaan kita di luar negara. Yang lain, pada umumnya buta terhadap perkembangan sastera kebangsaan, jauh pula untuk turut mempromosikannya. Situasi ini harus diubah supaya kedutaan kita turut memainkan peranan memperkenalkan sastera/sasterawan kita di luar negara, terutama bagi yang karyanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa asing.

### Terbit karya pengkritik sastera

Satu lagi faktor yang kita abaikan ialah membina pengkritik sastera yang tulisan mereka boleh diterbitkan dalam jurnal atau majalah sastera antarabangsa. Tanpa sesiapa menulis mengenai sastera kita dalam jurnal atau majalah sastera antarabangsa, sastera kita kurang diketahui secara meluas, terutama oleh golongan pemikir sastera yang serius. Situasi ini juga harus diubah, dengan melantik dan membayar honorarium yang sewajarnya kepada mereka yang kita kenal pasti boleh memikul misi itu.

Satu daripada masalah kegiatan sastera Malaysia peringkat kebangsaan dan apa-

Headline	Promosi sastera Melayu ke peringkat antarabangsa		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	31	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	377 cm <sup>2</sup>
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 12,715
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,145

lagi. tah lagi peringkat antarabangsa ialah sesuatu kegiatan itu tidak tekal, tidak berkesinambungan. Kelemahan ini harus diatasi. Kita wajar mempunyai program sastera peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkesinambungan, termasuk tarikh tahunan yang dikekalkan, hingga ia membentuk nama dan jenama yang dikenali secara global. Dengan cara itu sastera kita akan sentiasa diikuti perkembangannya.

Kita wajar mempunyai satu atau dua kegiatan sastera antarabangsa tahunan yang kekal berpanjangan, terutama yang membabitkan penyertaan penulis dan sarjana di luar dunia Melayu. Melalui kegiatan seperti ini, akan terjalin perkenalan, interaksi serta pendedahan sastera dan sasterawan kita dengan lebih meluas

Dalam era media elektronik secara perlahan melemahkan pengaruh media cetak, kita wajar mengoptimumkan penggunaan teknologi ICT untuk mempromosi sastera dan sasterawan kita dalam pelbagai bahasa dunia.

Medium ini harus kita manfaatkan sebaik mungkin. Perlu ada usaha yang bersepadu dan berwawasan besar untuk tujuan berkenaan, dengan menggunakan kemudahan internet, media sosial dan sebagainya, dalam pelbagai bahasa utama dunia.



#### Penulis

ialah Sasterawan Negara dan pensyarah  
Fakulti Penulisan Kreatif ASWARA

